

## DRIVER-ACTIVE-TRANSACTION AND HIGH ACHIEVERS CAMPAIGN

### FAQ

#### 1. What is Driver-Active-Transaction and High Achievers Campaign?

This Campaign is to reward drivers whom actively use Touch 'n Go eWallet as payment method for taxi fare via Static QR Code.

#### 2. What is the duration of the Campaign?

The Campaign is from 16th May 2019 until 31st December 2019 unless extended by TNG Digital Sdn Bhd.

#### 3. Who is applicable for this Campaign?

This Campaign is applicable for registered Touch 'n Go eWallet drivers who accept payment via Static QR Code which is physically displayed in the Taxi ("Static QR Driver").

#### 4. What is the reward?

You will be rewarded with incentive and recognition as follows:

- a. **Incentive:** You will receive incentives based on your taxi fare payment transaction as follows:

Tier	Amount Per Unique Transaction	Requirements
1	RM1.00	More than 10 unique transactions per calendar month
2	RM1.50	More than 30 unique transactions per calendar month
3	RM2.00	More than 100 unique transactions per calendar month

*Example: If Driver A gets 45 unique transactions in the calendar month, Driver A will receive an incentive of RM67.50 = (45 transactions x RM1.50 = RM67.50).*

- b. **Recognition:** The top three (3) drivers with highest transaction achievement for the year will be rewarded with a vacation trip to explore the cashless society and technology in China sponsored by TNG Digital Sdn Bhd.

#### 5. What are the eligible criteria for this Campaign?

The eligible criteria for this Campaign are as follows:

- a. Payment made by User using the Static QR code;

- b. The payment transaction is based on unique passenger for the month; and
- c. A minimum of RM6.00 transaction amount.

**6. What is unique transaction?**

A unique transaction is defined as the first transaction for the month by a Touch 'n Go eWallet unique user with the Static QR Driver.

**7. How do I secure the payment transaction?**

You will receive SMS notification and email upon successful of each fare payment transaction.

**8. When will I get my incentive payment?**

TNG Digital Sdn Bhd will submit a monthly report on the number of unique transactions by the Static QR Driver via email. TNG Digital Sdn Bhd will make payment within thirty (30) days from the end of the relevant calendar month.

**9. When will I know the High Achiever result?**

The top three (3) Static QR Drivers with the highest number of unique transactions for the calendar year will be contacted and notified personally by TNG Digital Sdn Bhd. An official announcement will also be made via email and at TNG Digital Sdn Bhd's website.

**10. How do I participate if I am not a registered Touch 'n Go eWallet driver?**

You must obtain a valid Driver Card issued by Land Public Transport Agency/Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) and you are required to register at our authorized On-boarding Partner. Please refer to <https://www.tngdigital.com.my/jomteksi.html>

**KEMPEN BAGI PEMANDU-TRANSAKSI-AKTIF DAN PENCAPAIAN TERTINGGI**  
**SOALAN-SOALAN LAZIM**

**1. Apakah Kempen Pemandu Mendapatkan Pemandu?**

Kempen ini adalah untuk memberikan ganjaran kepada pemandu-pemandu teksi yang aktif menggunakan Touch 'n Go *eWallet* sebagai kaedah pembayaran tambang teksi menerusi Kod Statik QR.

**2. Berapa lamakah tempoh Kempen ini?**

Kempen ini bermula pada 16hb Mei 2019 sehingga 31hb Disember 2019 kecuali sekiranya dilanjutkan oleh TNG Digital Sdn Bhd.

**3. Siapakah yang layak menyertai Kempen ini?**

Kempen ini layak untuk pemandu yang berdaftar sebagai pemandu Touch 'n Go *eWallet* yang menerima bayaran menerusi Kod Statik QR yang dipaparkan secara fizikal di dalam teksi.

**4. Apakah ganjaran yang ditawarkan?**

Anda akan diberikan ganjaran dalam bentuk insentif dan pengiktirafan seperti berikut:

- a. **Insentif:** Anda akan menerima insentif-insentif berdasarkan transaksi pembayaran tambang teksi anda seperti berikut:

<b>Tahap</b>	<b>Jumlah per unik transaksi</b>	<b>Keperluan</b>
1	RM1.00	Lebih daripada 10 transaksi unik dalam sebulan.
2	RM1.50	Lebih daripada 30 transaksi unik dalam sebulan.
3	RM2.00	Lebih daripada 100 transaksi unik dalam sebulan.

*Contoh: Sekiranya Pemandu A memperoleh 45 transaksi yang unik dalam sebulan, Pemandu A akan menerima insentif sebanyak RM67.50 = (45 transaksi x RM1.50 = RM67.50).*

- b. **Pengiktirafan:** Tiga (3) orang pemandu teratas dengan pencapaian transaksi tertinggi bagi tahun tersebut akan diberikan ganjaran pakej percutian bagi menerokai teknologi dan masyarakat tanpa wang tunai di Negara China yang ditaja oleh TNG Digital Sdn Bhd.

**5. Apakah kriteria kelayakan bagi menyertai Kempen ini?**

Kriteria-kriteria kelayakan bagi Kempen ini adalah seperti berikut:

- a. Pembayaran yang dibuat adalah menerusi Kod Statik QR;
- b. Transaksi pembayaran berdasarkan penumpang unik untuk bulan tersebut; dan
- c. Jumlah transaksi minima adalah RM6.00.

**6. Apakah maksud transaksi unik?**

Transaksi unik bermaksud transaksi pertama dalam setiap bulan oleh Pengguna Touch 'n Go eWallet yang unik dengan Pemandu Statik QR.

**7. Bagaimanakah saya mengesahkan transaksi bayaran?**

Anda akan menerima makluman menerusi SMS dan emel bagi setiap transaksi bayaran yang telah berjaya.

**8. Bilakah saya boleh mendapatkan bayaran insentif saya?**

TNG Digital Sdn Bhd akan menghantar laporan bulanan mengenai jumlah urus niaga unik oleh Pemandu melalui emel. TNG Digital Sdn Bhd akan membuat pembayaran dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari penghujung bulan kalendar yang berkenaan.

**9. Bilakah saya boleh mengetahui keputusan Pencapaian Tertinggi?**

Tiga (3) orang pemandu teratas dengan pencapaian transaksi tertinggi bagi tahun tersebut akan dihubungi dan dimaklumkan secara peribadi oleh TNG Digital Sdn Bhd. Pengumuman rasmi juga akan diadakan menerusi emel dan di laman web TNG Digital Sdn Bhd.

**10. Bagaimanakah saya boleh menyertai sekiranya saya bukan pemandu Touch 'n Go eWallet yang berdaftar?**

Anda mestilah mempunyai Kad Pemandu yang sah yang dikeluarkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan anda perlu berdaftar dengan rakan niaga On-boarding yang sah. Sila rujuk <https://www.tngdigital.com.my/jomteksti.html> bagi sebarang maklumat lanjut.